

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 69

- (a) Pada 1 Mac 2016, akaun belum bayar Perniagaan Mathu terdiri daripada 4 orang iaitu Suman, Kris, Suzan dan Tina. Rekod perakaunan berkaitan dengan akaun belum bayar Kris dan Tina telah hilang. Dalam usaha memperoleh baki akaun Kris, anda telah mendapatkan maklumat berikut:

**Baki pada 1 Mac 2016:**

Jumlah aset	RM 128,800
Modal	RM 52,600
Liabiliti lain:	
Suman	RM 1,630
Suzan	RM 8,020
Pinjaman bercagar	RM 58,750

Pemilik telah beritahu anda bahawa hutang kepada Tina adalah sekali ganda hutang kepada Kris. Daripada maklumat yang diperoleh, hitungkan baki hutang kepada Tina dan Kris.

- (b) Buku tunai Peroni Enterprise sudah hilang. Perniagaan ini sentiasa mengekalkan tunai sebanyak 12% atas baki bank ditangan. Pada 30 Jun 2017, baki-baki berikut telah diperoleh daripada buku perniagaan:

**Baki pada 30 Jun 2017:**

, Aset bukan semasa	RM 86,024
Aset semasa lain	RM 18,824
Liabiliti bukan semasa	RM 12,000
Liabiliti semasa	RM 6,548
Modal pada 30 Jun 2017	RM 89,436

**Maklumat tambahan:**

Pemilik telah membawa masuk RM224 tunai supaya baki tunai di tangan adalah 12% daripada baki di bank pada tarikh tersebut. Perkara ini belum lagi diambil kira dalam baki-baki di atas.

**Dikehendaki:**

Hitung baki-baki berikut pada 30 Jun 2017:

1. Tunai di bank
2. Tunai di tangan (sebelum pemilik memasukkan tunai tambahan)
3. Jumlah aset semasa (selepas penambahan tunai)